

# Pekerja curi hasil jualan restoran dipenjara

**SIBU:** Seorang pekerja restoran makanan segera di-jatuhi hukuman penjara dua bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam setelah disabitkan atas pertuduhan mencuri wang hasil jualan restoran tempat kerjanya.

Khalid Hussein, 25, didakwa mencuri wang hasil jualan restoran sebanyak RM550 pada 12 November 2024, jam 9.52 malam di sebuah restoran makanan segera di Jalan Ling Kai Cheng di sini.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 381 Kanun Keseksaan, yang mana jika sabit kesalahan hendaklah dipenjara sehingga tujuh tahun dan juga dikenakan denda.

Berdasarkan fakta kes, pada 13 November 2024 kira-kira jam 9.32 pagi, pengadu yang

juga penyelia restoran tiba di restoran dan mendapati pintu pejabat dalam keadaan terbuka.

Pengadu kemudian membuat pemeriksaan dan mendapati wang tunai berjumlah RM802 hilang, dipercayai telah dicuri.

Pemeriksaan rakam kamera litar tertutup (CCTV) di dalam premis mendapati pada 12 November 2024, kira-kira jam 9.44 malam, kelihatan seorang lelaki yang dikenali oleh pengadu sebagai pekerja restoran tersebut dari cawangan Jalan Pedada telah masuk dan keluar dari restoran terbabit.

Lelaki terbabit iaitu tertuduh sebelum ini diamanahkan untuk membuka dan menutup pintu restoran tersebut serta tahu tempat menyimpan kunci peti wang restoran.

Pengadu kemudian mem-

buat laporan polis dan kerugian dianggarkan kira-kira RM802.

Pada 14 November 2024 jam 10 pagi, pihak polis telah menangkap tertuduh di cawangan restoran di Jalan Pedada.

Siasatan yang dijalankan mendapati tertuduh pernah bekerja di restoran terbabit sebelum berpindah ke cawangan Jalan Pedada pada awal Jun lalu.

Rakaman CCTV turut menunjukkan tertuduh telah masuk dan keluar dari premis terbabit.

Tertuduh turut mengaku telah mendepositkan wang sebanyak RM550 yang dicuri ke dalam akaun bank miliknya.

Majistret Oon Kork Chern memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara itu bermula dari tarikh dia ditangkap iaitu 14 November lalu.